

**Teks Ucapan
YANG BERBAHAGIA PROF. DR. GHAZALI BIN OMAR
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Sempena
MAJLIS PENUTUP
PROGRAM SMART RIVER CLEANING ROBOT CHALLENGE 2020
SUNGAI KIM KIM PASIR GUDANG JOHOR**

**Anjuran
PUSAT KOLABORASI INDUSTRI DAN MASYARAKAT,
PEJABAT PENOLONG NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI
DAN MASYARAKAT)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)
DAN
UNIVERSITY OF SOCIETY (U4S) ZON SELATAN**

**Dengan Kerjasama
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH, PASIR GUDANG, JOHOR
ST MICROELECTRONICS SDN BHD, MUAR, JOHOR
IEEE OCEANIC ENGINEERING SOCIETY
IEEE MALAYSIA AP/MTT/EMC JOINT CHAPTER
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR
JABATAN ALAM SEKITAR, JOHOR
KOMUNITI SERTA INDUSTRI DI SEKITAR SUNGAI KIM KIM, JOHOR
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

**20 OKTOBER 2016 (RABU), 4.00 PETANG
SECARA RAKAMAN ATAS TALIAN**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

1. ALHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Swt kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita dapat bersama – sama, secara dalam talian bagi **MAJLIS PENUTUP PROGRAM SMART RIVER ROBOT CHALLENGE 2020.**
2. Terlebih dahulu, bagi pihak tuan rumah iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pelajar, guru, rakan kolaborasi, rakan industri, serta semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Saya yakin, penganjuran program seumpama ini amat bermanfaat kepada kita semua, khususnya dalam usaha kita untuk memberi kesedaran kepada generasi muda hari ini, tentang kepentingan menjaga kemapanan persekitaran, dan dalam konteks program ini yang memfokuskan kepada kelestarian sungai.
3. Saudara Saudari sekalian, kita pernah dengar berita tentang pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, yang berpunca daripada sikap ketidak tanggung jawaban sesetengah pihak yang menjadikan sungai tersebut sebagai tempat buangan sisa kimia industri. Kes seumpama ini bukan saja terjadi di Pasir Gudang, malah ianya juga terjadi di negeri-negeri lain.
4. Kesedaran untuk menjaga kelestarian Sungai merupakan komitmen kita bersama dan seharusnya rasa tanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan terjaga rapi perlu terbit dalam diri setiap daripada kita. UTeM juga tidak pernah alpa dalam

melunaskan tanggungjawab kepada persekitaran, iaitu dengan penghasilan projek inovasi yang bermanfaat kepada persekitaran, di samping penglibatan aktif dalam aktiviti CSR terutamanya dalam usaha pembersihan Sungai Melaka. Selaras dengan slogan Melaka adalah UTeM dan UTeM adalah Melaka, keterujaan dalam aktiviti kolaborasi dengan pelbagai agensi di Negeri Melaka, sentiasa diberikan keutamaan. Ini bagi memastikan persekitaran Negeri tumpuan pelancongan ini, khususnya Sungai Melaka sentiasa terjaga rapi dan memiliki nilai keunikan yang tersendiri.

Hadirin sekalian.

5. Menerusi pertandingan Smart River Challenge ini, saya percaya para peserta telah mencurahkan sehabis baik, idea penghasilan produk teknologi robotik yang kreatif dan berinovasi tinggi yang dapat menyokong kerja-kerja pembersihan sungai.
6. Pertandingan ini juga turut mengajak para peserta dari kalangan pelajar sekolah, untuk mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari khususnya dalam bidang STEM, dalam penyelesaian masalah yang berlaku. Ini secara langsung, turut menggalakkan mereka untuk berfikir di aras tinggi dan lebih kritis di samping mendorong mereka untuk menjadi penyumbang solusi terbaik terhadap masalah yang dihadapi.
7. Pemikiran kreatif dan inovatif yang disemaikan sejak di peringkat awal persekolahan ini, akan menjadi pendorong kepada generasi muda hari ini untuk terus memelopori bidang teknikal dan teknologi termaju yang amat diperlukan oleh Negara ini pada masa hadapan.

Hadirin sekalian,

8. PROGRAM SMART RIVER CLEANING ROBOT CHALLENGE 2020 SUNGAI KIM-KIM PASIR GUDANG JOHOR ini merupakan satu inisiatif UNIVERSITY FOR SOCIETY di bawah Model “Quadruple Helix Engagement” yang melibatkan kolaborasi pintar antara empat pihak iaitu UTeM, pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi, pemain industri iaitu ST Microelectronics dan kumpulan komuniti yang terdiri daripada pelajar sekolah di sekitar negeri Johor yang disokong penuh oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
9. Selain daripada pertandingan reka cipta produk inovasi, program ini juga turut menganjurkan enam Siri Webinar dan Forum secara dalam talian di platform Facebook. Saya yakin, program pemindahan pengetahuan dan teknologi atau KTP seumpama ini banyak memberi peluang kepada warga UTeM untuk berinteraksi secara terus bersama pegawai kerajaan dan wakil industri untuk bertukar pandangan dan pengalaman terutamanya dalam isu yang berkait rapat dengan kemasyarakatan dan persekitaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam, UTeM sentiasa terbuka dan amat mengalu-alukan rakan industri dan pihak komuniti setempat untuk bersama-sama berbincang dan bertindak dalam menyelesaikan isu-isu yang berlaku di persekitaran kita.
11. Saya juga mengharapkan, dengan sokongan berterusan dari pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, lebih banyak program-program bermanfaat seperti *Smart River Robot*

Challenge dapat diadakan pada masa hadapan. UTeM sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama terbaik dalam merealisasikan aktiviti dan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi.

12. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya bagi pihak tuan rumah - UTeM ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak JPT, rakan industri, dan semua pihak khususnya U4S Zon Selatan yang terlibat dalam menjayakan program ini. Kepada para peserta yang beroleh kemenangan, tahniah diucapkan. Yang tidak berjaya, jangan putus harapan, peluang saudara saudari untuk tonjolkan bakat kreatif dan inovatif masih terbuka luas, dan diharapkan kita dapat berjumpa dalam pertandingan teknologi dan inovasi anjuran UTeM yang akan datang. Sekian, terima kasih.